



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-150 BIL. 24/2024

PERMOHONAN PERTUKARAN PENEMPATAN PELAJAR DARI RESIDEN PELAJAR DHUAM KE RESIDEN PELAJAR 5 DAN KOLEJ MAWADDAH BAGI SESI AKADEMIK 2024/2025

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera, Saudara/i,

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan Pemakluman Pentadbiran dan Operasi Pengurusan Pelajar Ke-143 Bil. 17/2024 bertarikh 19 Jun 2024, berkenaan penetapan penempatan residen pelajar bagi sesi akademik 2024/2025 bagi kategori laluan khas, rayuan dan Diplomaambilan Julai 2024 adalah dirujuk.

2. Permohonan pertukaran penempatan pelajar dari RP DHUAM ke Residen Pelajar 5 dan Kolej Mawaddah dibuka mulai **11 Oktober 2024 – 13 Oktober 2024**. Pelajar yang menginap di RP DHUAM boleh memohon penempatan di RP5/Kolej Mawaddah dengan mengisi pautan di bawah bagi tujuan pemilihan oleh pihak Pengurusan RP 5. Penempatan akan ditawarkan berdasarkan kepada kekosongan yang terdapat di RP 5/Kolej Mawaddah setelah selesai proses pendaftaran pelajar baharu rayuan pada 12 Oktober 2024. Pertimbangan juga adalah berdasarkan kriteria keutamaan seperti pelajar aktif, masalah kesihatan dan lain-lain. Kegagalan pelajar membuat permohonan dalam tempoh yang ditetapkan di atas dianggap tidak berminat dan pelajar kekal di penempatan sedia ada.

Pautan permohonan :

[Permohonan Rayuan Pertukaran dari DHUAM ke RP5/Kolej Mawaddah \(google.com\)](#)

3. Keputusan permohonan pertukaran akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi pelajar di UMPSA. Pertukaran secara fizikal ke RP5/Kolej Mawaddah adalah dalam **tempoh 7 hari** selepas menerima pemakluman tersebut. Pelajar dianggap tidak berminat untuk pertukaran sekiranya tidak hadir ke pejabat untuk melengkapkan proses pertukaran ini.

4. Sebelum melakukan proses perpindahan, pelajar yang terlibat perlu mengambil video keseluruhan bilik bermula dengan nombor bilik dipintu bilik, memulangkan kunci bilik DHUAM ke Pejabat RP5 pada **waktu pejabat (8.30 pagi – 12.30 tengahari & 2.30 – 4.30 petang)**. Kunci bilik RP5/Kolej Mawaddah hanya akan diserahkan kepada pelajar setelah pelajar menyerahkan kunci bilik DHUAM.

Sebarang pertanyaan boleh terus hadir ke pejabat Residen Pelajar 5. Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

**Disediakan oleh,
Pusat Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
11 Oktober 2024**